

KIT MINGGU SUCI 2020 BAGI KELUARGA & RAKAN KEDIAMAN (Sewaktu pelandaan wabak COVID-19)

DIDOAKAN MENGIKUT KESUAIAN MASA BERSAMA

KEKAL DALAM KESATUAN TUBUH KRISTUS





"Kamu adalah Tubuh Kristus, dan setiap daripadamu anggota tubuh itu. Allah telah menentukan tempat masing-masing anggota Jemaah: Pertama sebagai rasul-rasul, kedua nabi-nabi, ketiga, guru-guru; seterusnya mereka yang diamanahkan untuk melakukan pelbagai mukjizat, mereka yang diberi kurnia untuk menyembuhkan, untuk memberikan pertolongan, untuk memimpin dan untuk bertutur dalam aneka lidah".

(1 Korintus 12: 27-28)

PERJALANAN BERSAMA YESUS YANG KUDUS



Tuhan Yesus Kristus,

Dengan keakraban, kami berjalan bersamaMu dalam KesengsaraanMu, KematianMu dan KebangkitanMu, bantulah kami agar melalui kesatuan kami diantara satu sama yang lain, kami sebenarnya bersatu denganMu.

Dalam setiap langkah kami serta perlakuan kami, biarlah kami menjadi Berkat kepada satu sama yang lain kerana itu adalah tanda kebaikan, kelemah-lembutan, kemurahan hati tanpa menghakimi sesama kami, dan dengan keampunan dan kerendahan hati, semoga kami terus mengasihi satu dengan yang lain.

Semoga kesatuan kami ini menjadi ungkapan kasih kami dan kesembuhan dunia ini. Demi Kristus, Tuhan dan Penebus kami. Amin.







PUASA DAN PANTANG

BERSAMA:

Tuhan Yesus, dengan merenungkan akan kesengsaraan dan kematianMu hari ini dan berjalan bersamaMu menuju Kalvari, kami juga mahu merenungkan akan kasihMu yang besar keatas kami kerana dosa-dosa kami, dosa-dosa saya, di atas Salib.

Kerahiman adalah jambatan yang menyatukan Tuhan and Manusia ~ Misericordiae Vultus (MV2) ~



YESUS KAMI DATANG PADA-MU

Yesus kami datang pada-Mu
Dengan hati kami terharu
Engkau ta'u kelemahan kami
Kami selalu jauh dari-Mu
Ampunilah kami ya Tuhan } 2x

Dalam hidup kami tiap hari Kami selalu lupa pada-Mu Kami keberatan godaan Takut akan putus harapan Kami doa semangat-Mu } 2x



Doa kami pada-Mu Tuhan
Bawa kami s'lalu dekat-Mu
Salib-Mu kemenangan kami
Kasih-Mu lah harapan kami
Yesus Engkau hidup kami }2x



T

Dalam Nama Bapa, dan Putera, dan Roh Kudus, Amin.



Bersama:

Ya Tuhan, Engkau mengkehendaki AnakMu melalui penghinaan di salib untuk membebaskan kami dari kuasa kejahatan. Kami berdoa kepadaMu, penuhilah hati kami dengan kasih akan Kristus dan kesedihan akan dosa, dan berilah agar kami mendapat rahmat dari KebangkitanNya.



Doa Pembukaan

Tuhanku dan Penebusku, Engkau telah menunjukkan kepada kami bagaimana untuk hidup mengikut teladan-Mu. Bila kami merenung kehidupanMu dengan kehidupan kami, kami mula bertanya pada diri kami sendiri. Tuhan, kadang kala, lautan kehidupan seakan begitu luas dan dalam, dan kapal kami begitu kecil. Bantulah kami untuk bertumbuh, dan untuk memahami Engkau dan diri kami sendiri. Kami mohon kepadaMu agar Engkau menolong kami untuk menerima hidup ini dan segala-galanya. Amin.





Pemimpin:

Kami memuji Engkau, Ya Tuhan, dan memuliakan namaMu

(SILA TUNDUK)

Bersama:

Kerana dengan kesengsaraan, kematian dan kebangkitanMu, Engkau telah menebus dunia.





Pemimpin:

Awal pagi hari jumaat, Yesus telah dibawa dari Caiaphas, Imam Besar kepada Pointus Pilatus, Gabenor, atas tuduhan pengkhianatan dan dihukum mati. Yesus tidak mempunyai apa-apa tetapi hanya kasih kepada manusia, namun Dia dihukum mati.



Bersama:

Tuhan Yesus, saya seringkali menghakimi orang lain dan gagal untuk memahami dan mencintai. Bantulah saya untuk melihat orang lain dalam kehidupan saya melalui mataMu, dan bukan mata Pontius Pilatus. Ajarilah saya agar melalui perhentian ini, ia dapat membantu membina setiap orang yang saya temui, dan bukan memecahkan mereka dengan kritikan dan kutukan. Amin.



Hatinya berkeluh kesah Hancur luluh rasa batin Tersangat duka lara







Pemimpin:

Kami memuji Engkau, Ya Tuhan, dan memuliakan namaMu

(SILA TUNDUK)

Bersama:

Kerana dengan kesengsaraan, kematian dan kebangkitanMu, Engkau telah menebus dunia.





Pemimpin:

Salib berat diserahkan kepada Yesus. Dia diperintahkan untuk memikulnya ke tempat pelaksanaannya. Yesus menerimanya. Memikulnya sendiri, dia keluar ke tempat yang bernama Tengkorak-Golgotha- untuk disalibkan bersama dua orang penyamun. Berat salib itu dapat di lihat dari alis dan wajah Yesus. Namun, Dia terus maju tanpa mengeluh.



Bersama:

Tuhan Yesus, Engkau memeluk salibMu untuk menebus dunia.


Bantulah saya untuk memeluk salibku dalam hidupkukesukaran-pergelutan, kekecewaan dan kesakitan. Hanya
dengan mengenal kelemahanku sendiri, aku akan dapat
menemui kekuatanMu.



Betapa hebat derita Menimpa Bonda yang Suci karana Putera Allah







Pemimpin:

Kami memuji Engkau, Ya Tuhan, dan memuliakan namaMu

(SILA TUNDUK)

Bersama:

Kerana dengan kesengsaraan, kematian dan kebangkitanMu, Engkau telah menebus dunia.





Pemimpin:

Berat salib dan perjalanan ke Kalvari- ke Golgotha-tempat penyaliban-masih jauh. Yesus, keletihan kerana kurang tidur, kesepian, takut, dan penderaan yang diterima membuat Dia jatuh ke tanah. Para askar dengan cepat mengheret Dia untuk berdiri kembali.



Bersama:

Tuhan Yesus, Engkau tahu saya seringkali jatuh di dalam mengikutiMu. Namun, Engkau selalu mengangkat saya kembali. Bantulah saya selalu untuk mempercayai KasihMu kepadaku dan tidak membiarkan ku kecewa. Bantulah saya selalu untuk mengetahui kekuatanku melalui kelemahanku.



Alangkah sedih hatinya Memandang seksa yang hebat Diderita anaknya







Pemimpin:

Kami memuji Engkau, Ya Tuhan, dan memuliakan namaMu

(SILA TUNDUK)

Bersama:

Kerana dengan kesengsaraan, kematian dan kebangkitanMu, Engkau telah menebus dunia.





Pemimpin:

Maria sedang menunggu anak yang dikasihinya; kehadirannya membawa keselesaan kepada Yesus. mengajar kita untuk merasai dan menunjukkan simpati kepada yang menderita. Tidak perlu dengan katakata, kehadiran dan perbuatan baik kita sudah menyampaikan kasih kita kepada saudara yang menderita.




Bersama:

Ya Tuhan, kesedihan IbuMu adalah mengatasi kasihNya kepadaMu. Engkau selalu datang kepadaku melalui orang lain dan kasih mereka memberi saya hidup baru. Bantulah saya melihat berapa kerap Engkau mencintaku melalui orang lain di dalam hidupku.



Siapa yang tidak terharu Bila ingat Bonda Yesus Di timpa duka hebat



DIOCESE OF PENANG

Simon dari Kirene membantu Yesus memikul salibNya



Pemimpin:

Kami memuji Engkau, Ya Tuhan, dan memuliakan namaMu

(SILA TUNDUK)

Bersama:

Kerana dengan kesengsaraan, kematian dan kebangkitanMu, Engkau telah menebus dunia.

Post Penang

Simon dari Kirene membantu Yesus memikul salibNya



Pemimpin:

Yesus tergelincir di bawah beban.
Para askar takut sekiranya Dia mati
dalam perjalanan. Mereka
menangkap Simon dari Kirene,
meletakkan salib itu di bahunya
juga, dan memaksa memikul beban
salib itu bersama Yesus.



Simon dari Kirene membantu Yesus memikul salibNya

Bersama:

Tuhan Yesus, kadang-kadang saya tidak peduli terhadap keperluan orang lain di dalam hidupku. Saya juga mengabaikan orang yang saya kasihi. Bantu saya untuk melihat agar mengasihi yang lain adalah jalan untuk menemui Engkau di dalam hidupku.



Simon dari Kirene membantu Yesus memikul salibNya

Betapa sedih hatinya Melihat anak meninggal Tak dihibur bapanya







Pemimpin:

Kami memuji Engkau, Ya Tuhan, dan memuliakan namaMu

(SILA TUNDUK)

Bersama:

Kerana dengan kesengsaraan, kematian dan kebangkitanMu, Engkau telah menebus dunia.





Pemimpin:

Wanita ini memperlihatkan tekad dan keberanian dalam menantikan Yesus dan mengesat wajahNya walaupun ramai askar. Dia melihat orang yang memerlukan dan memberi bantuan tanpa memikirkan akibat keatas dirinya. Berapa kali kita mengelak dari melakukan kebaikan kerana takut apa orang katakan atau fikirkan?




Bersama:

Tuhan Yesus, pada masa saya takut untuk menjangkau orang lain. Saya tidak melakukan apa-apa apabila saya perlu bertindak; saya tidak bercakap apa-apa apabila saya perlu bercakap. Berilah saya iman yang dalam dan berani. Bantu saya untuk percaya yang Engkau ada bersamaku.



Hai Bonda ku yang pemurah Beri aku rasa duka Berbagi deritamu



PERHENTIAN KETUJUH Yesus jatuh ke dua kalinya





Pemimpin:

Kami memuji Engkau, Ya Tuhan, dan memuliakan namaMu

(SILA TUNDUK)

Bersama:

Kerana dengan kesengsaraan, kematian dan kebangkitanMu, Engkau telah menebus dunia.

PERHENTIAN KETUJUH Yesus jatuh ke dua kalinya





Pemimpin:

Yesus jatuh lagi walaupun di bantu oleh Simon. Dia tersungkur ke tanah, peluh mengalir di wajahNya, bercampur dengan darah dari dahiNya dan debu di perjalanan. Askar-askar tidak sabar dan bimbang, mereka mengheret Dia untuk berdiri kembali, mereka mengutuk Dia.

PERHENTIAN KETUJUH Yesus jatuh ke dua kalinya




Bersama:

Tuhan Yesus, kegagalan dan kekecewaan kadang-kadang membuat saya berputus-asa. Saya bersembunyi di sebalik kebanggaan ku dan rasa kasihan terhadap diri sendiri dari-Mu dan orang lain. Beri saya harapan yang saya perlu dan bantulah saya agar tidak takut untuk memulakan kembali.


PERHENTIAN KETUJUH Yesus jatuh ke dua kalinya



Nyalakan dalam hatimu Kasih Kristus yang sejati Layak jadi saksi-Nya







Pemimpin:

Kami memuji Engkau, Ya Tuhan, dan memuliakan namaMu

(SILA TUNDUK)

Bersama:

Kerana dengan kesengsaraan, kematian dan kebangkitanMu, Engkau telah menebus dunia.





Pemimpin:

Ramai wanita mengikuti Yesus ke Golgotha. Mereka menangis dan meratap, dalam tradisi berkabung untuk orang itu, sahabat mereka. Mereka dikalahkan dengan kesedihan dan ketidakupayaan mereka. Yesus berkata kepada mereka, " jangan menangis untuk-Ku, tetapi untuk dirimu sendiri dan anak-anakmu".



Bersama:


Tuhan Yesus, sekali lagi saya berdoa kepada-Mu bagi keberanian untuk bertobat dan berubah. Jangan biarkan saya bersedih namun tidak berbuat apa-apa. Biarlah pengalaman dosa-dosa saya yang lalu mengajar saya untuk bergantung kepada rahmat Tuhan dan menyedari akan kelemahanku.



Cantumkan ya Bonda Suci, Luka Yesus yang berdarah, Dalam lubuk hatiku.







Pemimpin:


Kami memuji Engkau, Ya Tuhan, dan memuliakan namaMu

(SILA TUNDUK)

Bersama:

Kerana dengan kesengsaraan, kematian dan kebangkitanMu, Engkau telah menebus dunia.





Pemimpin:

Yesus benar-benar lemah dan jatuh ke tiga kalinya di bawah salibnya. Kita seringkali jatuh dan tersandung di dalam kehidupan. Setiap kali, kita melihat diri kita tidak baik, celaka, tidak bernilai. Imej diri kita menjadi teruk dengan setiap kejatuhan dalam hidup. Hanya dengan ini kita belajar untuk hidup pada suatu masa dan tidak melihat masa lalu kita atau bimbang tentang esok.



Bersama:

Tuhan Yesus, kegagalan akan kekuatan-Mu membuat saya melihat betapa tidak berdayanya saya. Tanpa Engkau, saya tidak dapat berbuat apa-apa. Bantulah saya untuk bergantung penuh kepada kekuatan-Mu, untuk melihat betapa saya memerlukan Engkau dan mengajar saya untuk tidak mengutuk diri sendiri sehingga saya berputus asa.



Beri aku sebahagian, Dari seksa suci Yesus, Agar dapat ku tiru.







Pemimpin:

Kami memuji Engkau, Ya Tuhan, dan memuliakan namaMu

(SILA TUNDUK)

Bersama:

Kerana dengan kesengsaraan, kematian dan kebangkitanMu, Engkau telah menebus dunia.





Pemimpin:

Akhirnya mereka tiba ke tempat di mana la akan disalibkan. Orang membuang sampah di sini. Dengan segara dan kasar, pakaian-Nya di tanggalkan dari belakang meninggalkan Dia telanjang, letih dan dihina...tiada yang tertinggal, bahkan tidak bermaruah. Adakah ini kemiskinan-Nya atau ini untuk kita? Kita mengambil pakaian-Nya, maruah-Nya seperti ratusan ribu orang yang tamak dan tidak peduli. Sikap kita yang mementingkan diri sendiri membuatkan Dia menanggalkan segala-galanya.



Bersama:

Tuhan Yesus, melihat Engkau dihina membuat saya menyedari betapa saya berpegang pada pencapaian, harta benda, dan cara saya. Bantulah saya untuk melepaskan semuanya ini yang menghalang saya bertumbuh lebih dekat kepada-Mu dan orang lain. Ajarilah saya untuk tidak merindui sesuatu yang hebat dan mulia, tetapi biarlah perbuatan baik dan kasih dalam hidup saya bertambah.



Sekarang aku pun rela Tahan susah demi Yesus Sabar hingga ajalku







Pemimpin:

Kami memuji Engkau, Ya Tuhan, dan memuliakan namaMu

(SILA TUNDUK)

Bersama:

Kerana dengan kesengsaraan, kematian dan kebangkitanMu, Engkau telah menebus dunia.





Pemimpin:

Dengan kejam dan kasar, para askar mengheret Yesus ke salibnya. Mereka memegang Dia, memakukan tangan dan kaki-Nya. Selepas Dia ditinggikan, para askar membuang dadu untuk pakaian-Nya. Lengan dan tangan yang selalu dilanjutkan dalam cinta kini disalibkan di kayu salib.



Bersama:

Tuhan Yesus, saya tidak pernah sangsi dengan kasih-Mu kepadaku bila saya melihat Engkau disalibkan. Bantulah saya untuk melihat Salib-Mu sebagai tanda besar akan cinta kasih-Mu kepadaku dan bantulah saya untuk kembali kepada-Mu, untuk memeluk-Mu dan kuk yang Engkau tawarkan kepadaku.



Ingin aku mendampingmu, Pada kaki salib Yesus Turut menanggung susah.







Pemimpin:

Kami memuji Engkau, Ya Tuhan, dan memuliakan namaMu

(SILA TUNDUK)

Bersama:

Kerana dengan kesengsaraan, kematian dan kebangkitanMu, Engkau telah menebus dunia.





Pemimpin:

"wahai kamu, orang-orang ku, apa yang telah saya lakukan kepada kamu atau apa saya menyinggung perasaan kamu? Apa lagi yang perlu saya lakukan dan tidak lakukan? Saya telah membawa kamu keluar dari Egypt, dan kamu telah menyediakan salib untuk-Ku. Saya membuka lautan merah dihadapan kamu, dan kamu menusuk lambungku dengan tombak. Saya memberikan kamu tongkat kerajaan dan kamu memberikan saya makhota duri. Dengan kuasa besar saya meninggikan kamu dan kamu menyalibkan Aku di kayu salib".

(bersambung...)





Pemimpin:

sekarang kira-kira jam ke-6, dan kegelapan menyelubungi seluruh negeri sehingga jam ke-9. Yesus berseru dengan suara kuat dan berkata. "Sudah selesai. Bapa, ke tanganMu Aku menyerahkan jiwa-Ku". Kemudian, menundukkan kepalanya, Dia meninggal.

(sila berlutut)




Bersama:


Tuhan, tubuh-Mu yang tidak bermaya membawa saya kepada iman yang mendalam. Engkau memilih kematian, walaupun mati di kayu salib. Kematian-Mu mengajar saya bahawa saya harus mati untuk dosa dan sikap pentingkan diri sendiri agar dapat menghasilkan buah kesucian dan keselamatan. Bantulah saya melihat salib-salibku sebagai jalan untuk mencintai-Mu.



Bonda Perawan tersuci, Tiliklah aku anak mu, Ingin menyertai mu.







Pemimpin:

Kami memuji Engkau, Ya Tuhan, dan memuliakan namaMu

(SILA TUNDUK)

Bersama:

Kerana dengan kesengsaraan, kematian dan kebangkitanMu, Engkau telah menebus dunia.





Pemimpin:

Maria berdiri di kaki salib dan terpaksa melihat anak yang dikasihi-Nya mati dalam azab yang besar. Sekarang dia menerima Tubuh-Nya di dalam pangkuannya. Dia memahami kesakitan dan kebimbangan orang yang menderita kerana orang yang dikasihinya di serang penyakit atau dipenjarakan. Dia adalah Ibu bagi orang yang menderita.



Bersama:

Penyelamat yang dikasihi, Engkau mengembalikan kepada Bapa semua yang telah diberikan kepada-Mu, supaya Dia dapat memulihkan semuanya kepada-Mu seratus kali ganda di dalam kebangkitan mulia. Bantulah kami, kami merayu kepada-Mu, dengan murah hati, memberikan diri kami dan semua yang kami lakukan kepada-Mu, agar seperti Engkau kami akan menjadi sempurna di dalam kebangkitan baru.



Tolonglah aku bertekun, Agar kelak berbahagia, Bersama dengan Yesus.







Pemimpin:

Kami memuji Engkau, Ya Tuhan, dan memuliakan namaMu

(SILA TUNDUK)

Bersama:

Kerana dengan kesengsaraan, kematian dan kebangkitanMu, Engkau telah menebus dunia.





Pemimpin:

Yesus diletakkan di dalam kubur. Yesus hidup dalam kerendahan sehingga tiada kubur bagi-Nya. Mereka meletakkan Dia dalam kuburan tempat orang asing. Ketika para askar menutup kubur Yesus, satu bab baru dalam kehidupan Yesus dibuka. Saya tahu sekiranya saya menghidupi hidup saya dan beralih kepada Tuhan, saya boleh berubah menjadi baru. Kebencian ku boleh berubah menjadi kasih dan kebaikan; kesedihan ku berubah kepada kegembiraan; dan dimana ada keputus-asaan, saya akan menemui harapan. Kelemahanku boleh berubah menjadi kekuatanku.




Bersama:

Tuhan Yesus, bila saya melihat batu besar menutup kubur-Mu, saya merasa keseorangan dan ditinggalkan. Walaupun kadangkadang Engkau seperti jauh dan tidak hadir di dalam hidupku, bantulah saya selalu agar percaya kepada kedekatan-Mu dan kehadiran-Mu. Ajarilah saya dengan keberanian-Mu untuk menghadapi segalanya di dalam hidup, walau kematian itu sendiri, dan ketakutan. Bantulah saya, ya Tuhan ku agar tidak takut apa-apa tetapi takut kepada diri sendiri.



Semoga darah Penebus, Jadi perangsang bagiku, Berjuang dengan gagah.





Doa Penutup

Tuhan Yesus, bantulah saya untuk berjalan dengan Mu setiap hari dalam hidupku, walaupun ke Kalvari. Kesedihan dan kegembiraan, kesakitan dan kesembuhan, kegagalan dan kejayaan dalam hidup adalah kematian yang sangat kecil dan kebangkitan yang membawa saya lebih dekat kepada-Mu. Berilah saya iman dan kepercayaan yang saya perlukan untuk berjalan bersama –Mu selalu.

Kasihanilah saya, ya Tuhan dan jangan menolak doaku, ketika di tengah-tengah penderitaan ku, saya berseru kepada nama-Mu yang Kudus dan mencari dengan kasih dan keyakinan wajah-Mu. Amin.



Marilah berdoa bagi permohonan Bapa Suci kita.

Bapa kami yang ada di syurga, dimuliakanlah nama-Mu, datanglah kerajaan-Mu, jadilah kehendak-Mu, di atas bumi seperti di dalam syurga...

Berilah kami rezeki pada hari ini, dan ampunilah kesalahan kami, seperti kami pun mengampuni yang bersalah kepada kami, dan jangan masukan kami ke dalam percobaan tetapi bebaskanlah kami dari yang jahat.

Salam Maria, penuh rahmat, Tuhan serta mu, terpujilah engkau diantara wanita dan terpujilah buah tubuhmu Yesus...

Santa Maria, bonda Allah doakanlah kami, sekarang dan sewaktu kami mati...

Kemuliaan kepada Bapa, dan Putera, dan Roh Kudus... Seperti pada permulaan sekarang, selalu dan sepanjang segala masa...



Pimpin ku Tuhan

Pimpin ku Tuhan dari jalan dosa Pimpin ku pulang pada-Mu Ku sangat lemah tak sanggup berdiri Tuhan ku mengiring dikau

Aku sesat sebab jalan dosa Sebab berdosa pada-Mu Tiada penghibur di dalam jiwaku Tuhan ku mengiring dikau



Pimpin ku Tuhan

Hidup berdosa kehendak sendiri Ikut jalan yang berliku Atas salib Tuhan ganti aku Tuhan ku mengiring dikau



PENGHORMATAN SALIB

Dengan memegang salib, kita secara **INDIVIDU** mengambil masa untuk merenung salib dengan penuh hormat dan kemudian menyerahkan kepada orang seterusnya.





PENGHORMATAN SALIB

Kami menyembah Engkau, Tuhan Kami menghormati salib-Mu Kami memuji kebangkitan-Mu.

Melalui salib-Mu, Engkau membawa kegembiraan kepada dunia.

Semoga Allah mengasihani dan memberkati kita; Dan membiarkan wajah-Nya memencarkan cahaya kepada kami.

Amin.

